

## Penggunaan Ungkapan Insya-Allah dalam Laman Facebook

### Usage of the Expression Insya-Allah on Facebook

Mohd Fauzan Mat Jam Jam

Centre for Languages and Pre-University Academic Development  
IIUM Gombak Campus,  
International Islamic University Malaysia  
P.O. Box 10, 50728 Kuala Lumpur, Malaysia

Submitted: 29/6/2022. Revised edition: 6/5/2024. Accepted: 8/5/2024. Published online: 26/6/2024

### ABSTRAK

Penggunaan sosial media pada hari ini amat produktif dalam kehidupan masyarakat di Malaysia. Kajian ini akan menumpukan kepada penggunaan ungkapan insya-Allah dalam laman Facebook. Teori Pemilihan Bahasa (Fishman, 1991) telah digunakan dan data yang diperolehi melalui penelitian dalam Facebook telah dianalisis menggunakan pendekatan Kesantunan Bahasa (2000). Penggunaan ungkapan insya-Allah dapat dikenal pasti dalam dua objektif utama iaitu penggunaan ejaan dan faktor-faktor yang mendorong penggunaan ungkapan insya-Allah. Secara keseluruhannya, kajian ini masih di peringkat awal dan penelitian yang lebih tepat dan menyeluruh mungkin boleh dibuat pada masa akan datang.

*Kata kunci:* Ungkapan, bahasa Melayu, Facebook, Insya-Allah

### ABSTRACT

The use of social media today is very productive in the life of society in Malaysia. This study will focus on the use of the expression insya-Allah on Facebook. Language Selection Theory (Fishman, 1991) was applied, and data obtained from Facebook were analyzed by using the Language Politeness Approach (Asmah Haji Omar, 2000). The use of the expression insya-Allah can be identified in two main objectives, which are the use of spelling and the factors that drive the users of the expression insya-Allah. Overall, this study is still in its early stages and a more accurate and comprehensive study may be possible to write in the future.

*Keywords:* Expression, Malay language, Facebook, Insya-Allah

### PENGENALAN

Setiap komuniti bahasa mempunyai variasi bahasa yang berbeza-beza (Fishman, 1968). Bagi masyarakat Melayu, terdapat ungkapan-ungkapan ataupun perkataan yang dituturkan menggambarkan identiti sebagai seorang Muslim. Ungkapan *insya-Allah* merupakan satu ungkapan yang sering disebut oleh umat Islam. Dari segi maksud, ungkapan ialah susunan kata yang mempunyai maksud tertentu dan

---

\*Correspondence to: Mohd Fauzan Mat Jam Jam (email: [mohdfauzan@iium.edu.my](mailto:mohdfauzan@iium.edu.my))

digunakan dalam bentuk tulisan dan juga dalam pertuturan. Berdasarkan Kamus Dewan (2005), ungkapan *insya-Allah* bermaksud dengan izin Allah. Ungkapan ini bukan sahaja digunakan dari aspek lisan ataupun pertuturan, malahan dalam aspek tulisan juga masih produktif penggunaannya. Berdasarkan penelitian, aspek lisan bagi ungkapan *insya-Allah* seolah-olah tiada masalah untuk disebut. Kekerapan masyarakat Melayu menyebut ungkapan ini menjadikan bangsa-bangsa lain di sekitarnya juga turut mampu menuturkan ungkapan ini. Dalam aspek penulisan, ungkapan *insya-Allah* dilihat berlaku sedikit ketidakseragaman ejaan terutama apabila penelitian dilakukan dalam media sosial. Oleh yang demikian, kajian ini akan membincangkan kepelbagaiannya ejaan ungkapan *insya-Allah* yang digunakan oleh pengguna Muslim dalam laman Facebook. Selain itu, penggunaan ungkapan *insya-Allah* dalam laman Facebook juga akan turut dibincangkan.

Ungkapan ini digunakan sewaktu penutur memberikan maklum balas terhadap sesuatu pernyataan yang berkaitan dengan tindakan pada masa akan datang. Ungkapan "*insya-Allah*" walaupun merupakan ungkapan dalam bahasa Arab yang bermaksud "dengan izin Allah", tetapi telah sebatas dalam masyarakat Melayu dan diungkapkan secara spontan sama ada untuk menunjukkan persetujuan atau sebagai ungkapan janji (Noriati Abdul Rashid, 2005). Lazimnya, ungkapan ini ditemui apabila seseorang penutur memperkatakan hal-hal yang akan datang, yang tiada sesiapa yang dapat memastikan sama ada sesuatu perkara yang dirancang, dijangkakan dan mengharapkan memang akan terlaksana. Dalam sesuatu perbincangan, banyak perancangan dirundingkan untuk dilaksanakan pada masa akan datang.

Oleh itu, ungkapan *insya-Allah* menjadi salah satu strategi kesantunan berbahasa dalam kalangan orang Melayu. Selain itu, ungkapan ini juga memperkenalkan kekerdilan manusia dan menggambarkan sikap merendah diri manusia apabila tidak tahu tentang perkara yang akan datang melainkan hanya dalam pengetahuan Allah Taala. Oleh yang demikian, ungkapan *Insya-Allah* membuktikan hubungan yang kuat antara manusia dengan Allah dan manusia tidak dapat menafikan kebesaran Allah (Noriati Abdul Rashid, 2005).

## PERMASALAHAN KAJIAN

Bahasa Melayu sememangnya penerima pinjaman bahasa dari bahasa-bahasa lain seperti bahasa Arab, bahasa Inggeris, bahasa Mandarin, bahasa Sanskrit, bahasa Portugis, bahasa Jawa dan banyak lagi (Asmah Haji Omar, 2000). Peminjaman bahasa Arab dalam bahasa Melayu boleh dianggap produktif dan masih digunakan sehingga ke hari ini. Banyak *headword* bahasa Arab yang telah dijadikan entri di dalam kamus seperti perkataan solat, doa, taubat, sabar dan banyak lagi. Oleh yang demikian, terdapat juga ungkapan-ungkapan yang wujud dalam bahasa Melayu disebabkan pengaruh agama Islam yang dominan dalam masyarakat Melayu.

Ungkapan *insya-Allah* merupakan salah satu ungkapan yang sememangnya menjadi identiti bahasa bagi orang Muslim dan boleh dianggap sebagai budaya agama dalam penganut agama Islam. Sehubungan dengan itu, penggunaan ungkapan ini terutama dalam aspek penulisan dalam media sosial boleh dikatakan amat produktif. Kekerapan penggunaan ungkapan ini mewujudkan kepelbagaiannya ragam dalam aspek ejaan penggunaannya dalam komunikasi. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan meninjau penggunaan ungkapan *insya-Allah* dalam laman Facebook.

## OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah seperti berikut.

- Mengenal pasti penggunaan bentuk ejaan *insha-Allah* yang terdapat dalam laman Facebook.
- Menghuraikan faktor-faktor penggunaan ungkapan *insha-Allah* yang digunakan dalam laman Facebook.

## METODOLOGI KAJIAN

Kaedah yang digunakan untuk melakukan penelitian ini adalah kaedah kepustakaan dan kaedah lapangan. Data mengenai penggunaan ejaan *insya-Allah* diperolehi daripada pengguna-pengguna dalam laman Facebook. Penelitian ungkapan *insya-Allah* ini tidak membuat perkaitan semantik tetapi hanya tertumpu kepada bentuk leksikal sahaja iaitu tentang kepelbagaiannya ejaan *insya-Allah* yang digunakan oleh pengguna Facebook. Pengguna yang dipilih mestilah beragama Islam dan boleh menggunakan bahasa Melayu dalam urusan komunikasi. Seterusnya, dapatan akan diolah dalam bentuk peratusan sebagai panduan yang akan nyatakan dalam bahagian dapatan. Dari aspek penggunaan ungkapan *insya-Allah* juga data diambil daripada laman Facebook melalui perkongsian pengguna-pengguna yang menggunakan ungkapan *insya-Allah* dan seterusnya akan dihuraikan dengan kaedah kualitatif deskriptif.

## FOKUS KAJIAN

Kajian ini telah dilakukan terhadap penggunaan ungkapan *insya-Allah* dalam kalangan pengguna laman Facebook. Kajian ini hanya menumpukan kepada lapangan, konteks, masa, dan sampel yang ditetapkan seperti berikut:

- Lapangan kajian ialah laman media sosial Facebook.
- Kajian ini hanya akan meneliti penggunaan ungkapan *insya-Allah* dalam bentuk penulisan yang telah dikongsikan dalam laman Facebook. Seterusnya kajian ini juga akan menghuraikan penggunaan bahasa dengan mengikut Teori Pemilihan Bahasa (Fishman, 1999).
- Responden kajian ini hanya terhad kepada 15 pengguna sahaja dengan latar belakang demografi yang pelbagai tetapi tetap dalam kalangan penganut agama Islam.
- Tempoh masa kajian ini hanyalah dalam lingkungan satu bulan sahaja.
- Dapatan kajian akan dianalisis dan dihuraikan dengan kaedah kualitatif deskriptif.

## SOROTAN KAJIAN

Berdasarkan penelitian, didapati terdapat banyak kajian yang mengkaji penerapan bahasa ataupun ungkapan-ungkapan yang berunsur keagamaan dan dikaitkan dengan pengaplikasian media sosial di Malaysia. Setelah diteliti, beberapa kajian dilihat boleh dikaitkan dalam kajian ini. Kajian yang bertajuk *Perubahan Fungsi dan Makna Peribahasa dalam Laman Facebook* ((Salinah Jaafar, Huraizah Abdul Sani dan Rohaidah Haron, 2018)). Kajian ini menggunakan kaedah kajian lapangan dengan meneliti perubahan fungsi dan makna peribahasa yang digunakan oleh pengguna siber dalam laman Facebook dan tertumpu kepada perubahan yang dilakukan oleh pengguna kepada peribahasa Melayu dengan menggantikan kepada kosa kata yang lain. Selain itu, kajian ini juga turut mengupas fungsi peribahasa yang digunakan oleh pengguna siber dengan membuat perbandingan fungsi peribahasa sebenar dengan melihat perubahan yang berlaku dalam konteks penggunaan yang lebih sesuai pada masa kini. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak membuat penelitian kepada ungkapan dalam bahasa Melayu.

Seterusnya, kajian yang menyentuh bidang leksikal juga banyak dilakukan. Antaranya adalah kajian yang dijalankan oleh Salinah Jaafar (2014) yang menunjukkan satu perbincangan menarik dengan membuktikan bahawa terdapat perubahan makna dan fungsi perkataan dalam bahasa Melayu berikutan penggunaan media sosial yang semakin produktif dalam kalangan penutur bahasa Melayu. Selain itu, kajian ini juga menyentuh beberapa kata leksikal yang mengalami anjakan paradigma dari sudut fungsinya dalam ayat. Contoh perkataan-perkataan yang diteliti ialah seperti *poyo, kerek, nganjing, betik, barai, sakai, giler, siot* dan *hangen*. Beberapa perkataan tersebut juga akan diteliti di dalam kajian ini.

Selain itu, kajian yang telah dilakukan oleh Fariza *et al.*, 2018 membincangkan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan kakitangan di UKM dengan menumpukan kepada pengurusan dan pentadbiran. Data kajian diperolehi melalui soal selidik dan temu bual yang seterusnya diolah secara kualitatif. Dapatkan kajian tersebut menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Melayu di UKM masih menunjukkan kepelbagaiannya walaupun bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi di UKM. Kajian ini merupakan contoh yang baik untuk meneliti penggunaan bahasa. Walau bagaimanapun, objek yang dikaji dalam kajian ini adalah penggunaan bahasa Melayu secara umum dan bukan dalam konteks penggunaan dalam media sosial.

Seterusnya, Tay (2010) dalam kajiannya terhadap 22 respondan yang terdiri daripada pelajar IPG berkaitan bahasa penulisan dalam aplikasi SMS (sistem pesanan ringkas) menyimpulkan bahawa terdapat beberapa gejala bahasa yang berlaku iaitu singkatan ejaan SMS, penggunaan singkatan SMS dalam bentuk kata mahupun ayat dan juga pengguguran bunyi vokal atau konsonan dalam SMS. Selain itu kajian ini juga menyentuh aspek sosiolinguistik dengan perbincangan aspek campur dan alih kod yang terdapat di dalam teks SMS responden. Secara keseluruhannya, kajian ini amat berguna untuk meneliti aspek penggunaan bahasa tetapi aplikasi teknologi yang dipilih ialah dalam sistem pesanan ringkas sahaja.

Dalam aspek penggunaan ungkapan pula, dapat dilihat pada kajian yang dijalankan oleh Refmiyanti, Agustina dan Erizal Gani (2012) tentang ungkapan-ungkapan yang telah digunakan oleh sekumpulan responden di Lintau Buo, Indonesia. menyenaraikan Dapatkan kajian, itu menunjukkan ungkapan makian boleh dibahagikan kepada beberapa jenis iaitu ungkapan dalam bentuk kata, dalam bentuk frasa, dalam situasi marah dan tidak terlalu marah. Ungkapan makian juga apabila dilihat dari perspektif perbezaan gender. “Dasar buaya darat” merupakan contoh ungkapan yang popular digunakan oleh golongan wanita yang memarahi lelaki. Secara keseluruhannya, kajian ini amat menarik tetapi tidak menyentuh ungkapan *insya-Allah*.

Selanjutnya, kajian yang dijalankan oleh Burhan Nurgiyantoro (2014) tentang penggunaan ungkapan bahasa Jawa dalam teks yang dikaitkan dengan aspek keindahan bahasa mendapati bahawa penggunaan ungkapan Jawa dalam puisi-puisi Indonesia sangat produktif. Pengoalan data yang dilakukan secara deskriptif ini membuktikan adanya hubungan bahasa dengan budaya masyarakat Indonesia. Namun begitu, kajian ini tertumpu kepada teks puisi wayang sahaja dengan penelitian kepada makna dan aspek lisan. Keseluruhannya, kajian ini amat baik untuk melihat strategi penggunaan ungkapan. Walau bagaimanapun, kajian ini juga tidak menyentuh tentang ungkapan *insya-Allah*.

Namun begitu, terdapat satu kajian yang boleh dikaitkan dengan kajian ini, iaitu yang dijalankan oleh Noriati Abdul Rashid (2005). Kajian ini mengemukakan beberapa strategi yang digunakan oleh masyarakat Melayu dalam kesantunan berbicara. Beberapa strategi yang digunakan oleh orang Melayu sebagai tanda kesopanan dengan penumpuan kepada nilai-nilai Islam telah ditunjukkan. Strategi tersebut adalah strategi ungkapan Rabbani, strategi ungkapan *Alhamdulillah* dan bersyukur, strategi salam, strategi ungkapan *insya-Allah*, dan juga strategi tawakal. Secara keseluruhannya, kajian ini amat bagus untuk mengenal pasti penggunaan ungkapan yang berunsur keagamaan dan nilai-nilai Islam dalam masyarakat Melayu. Walau bagaimanapun, kajian ini turut tidak meneliti penggunaan *insya-Allah* yang digunakan oleh masyarakat pada masa kini khususnya dalam media sosial.

Walau bagaimanapun, kajian yang dijalankan oleh Mufligha Dwi Chayani (2018) telah mengupas tentang hakikat konsep *insya-Allah* yang telah ditafsirkan dalam kitab tafsir. Kajian ini telah mengenal pasti penggunaan ungkapan *insya-Allah* yang telah dinyatakan di dalam surah-surah seperti Surah *Al-Mudassir*, *Al-Araf*, *Al-Takwir*, *Al-Qasaf*, *Yusuf*, *Al-Kahfi* dan banyak lagi. berpandukan terjemahan tafsir. Objektif pertama kajian ini tercapai melalui penghuraian mengenai penggunaan ungkapan *insya-Allah* dalam surah-surah merupakan bukti wujudnya ungkapan tersebut di dalam al-Quran. Selanjutnya, kajian ini juga turut membincangkan penggunaan ungkapan *insya-Allah* dalam kehidupan. Penulis telah menghuraikan bahawa penggunaan *insya-Allah* digunakan dalam konteks perjanjian, konteks pemilihan dan konteks mengolok-olok dalam berkomunikasi. Oleh yang demikian, kajian ini merupakan satu contoh yang sangat baik untuk meneliti penggunaan ungkapan *insya-Allah*.

Tambahan lagi, kajian oleh Herdi Pratama (2017) turut menganalisis penggunaan *insya-Allah* dalam konteks pragmatik, iaitu dalam konteks penggunaan bahasa. Kajian ini telah mengenal pasti gaya bahasa yang digunakan oleh masyarakat Indonesia dalam aspek lisan. Kajian ini telah membuktikan bahawa penggunaan *insya-Allah* digunakan dalam konteks perjanjian dan juga untuk menyatakan perasaan.

Seterusnya, kajian lain yang boleh dikaitkan dengan kajian ini ialah kajian yang telah dilakukan oleh Erwan Saputro (2017). Kajian itu telah mengenal pasti beberapa makna *insya-Allah* dalam pertuturan iaitu membawa maksud ketidakyakinan, harapan, keyakinan, menolak secara halus, ketidaktahuan atau ketidakpastian. Oleh yang demikian, penggunaan *insya-Allah* boleh membawa maksud yang pelbagai apabila diteliti dalam pelbagai konteks.

## PENDEKATAN TEORI

Kajian yang memfokuskan kepada aspek penggunaan ungkapan *insya-Allah* dalam laman Facebook ini mengaplikasikan kerangka teori yang diperkenalkan oleh Fishman (1991) iaitu Teori Pilihan Bahasa. Teori ini digunakan kerana bersesuaian untuk menganalisis sesuatu bahasa yang dipilih sebagai bahasa perhubungan utama atau *lingua franca* iaitu bahasa Melayu. Teori ini mengatakan bahawa sesuatu masyarakat biasanya bertutur dalam satu bahasa yang sama sebagai alat komunikasi utama. Teori Pilihan

Bahasa (Fishman, 1991) menjelaskan bahawa pemilihan bahasa berlaku apabila masyarakat mengetahui lebih daripada dua bahasa. Dalam konteks masyarakat yang kompleks, terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi pilihan bahasa. Tambahan lagi, teori ini menyatakan bahawa sebuah masyarakat yang kompleks akan menunjukkan beberapa ragam bahasa mengikut fungsi yang berbeza seperti dalam kekeluargaan, pekerjaan, minat dan kelas sosial masyarakat. (Asmah Haji Omar, 1999). Sekiranya tiada pilihan bahasa dalam masyarakat yang dwibahasa ataupun multibahasa, keadaan ini akan mengganggu komunikasi dan interaksi sosial antara individu. Namun begitu, dalam konteks bahasa sebagai perhubungan utama atau *Lingua Franca* satu bahasa dominan adalah amat perlu bagi mendukung tugas sebagai bahasa rasmi atau pengantar. Walau bagaimanapun, Teori Pemilihan Bahasa ataupun *Language Choice* masih boleh diaplifikasi untuk urusan rasmi ataupun sebaliknya. Oleh yang demikian, kajian penggunaan bahasa Melayu perlu dilakukan untuk mengetahui penerimaan dan penggunaannya dalam kalangan masyarakat di negara ini.

Menurut Asmah Haji Omar (2000), kesantunan ialah kaedah atau strategi yang digunakan oleh penutur untuk mencapai tujuan tertentu. Strategi ini dikaitkan dengan kesantunan dan perlu dikuti dengan tingkah laku dan tutur kata yang santun. Strategi kesantunan melibatkan beberapa faktor seperti kesedaran akan peranan masing-masing, tentang perbezaan taraf sosial, kuasa dan keperluan mengawal perbincangan berdasarkan tajuk atau air muka yang meliputi maruah dan martabat. Asmah Haji Omar (2000), telah membahagikan kesantunan kepada dua jenis iaitu:

- i. kesantunan asas
- ii. kesantunan berkala.

Kesantunan asas ialah kesantunan sedia ada yang merupakan pedoman bagi masyarakat berhubung antara satu sama lain. Dengan cara menunjukkan adanya sikap berbaik-baik antara satu sama lain yang menghendaki ahli masyarakat bersopan santun antara satu sama lain. Hal ini kerana dalam mana-mana masyarakat akan ada kesopanan asas yang dikaitkan dengan agama, budaya dan gaya hidup mereka.

Kesantunan berkendala pula merujuk kepada kesantunan yang menggambarkan ucapan yang dilakukan oleh masyarakat dalam hubungan antara satu sama lain. Antara kendala tersebut ialah taraf dan peranan orang yang bercakap, latar tempat atau keadaan, mesej atau maklumat yang dipercakapkan, faktor percakapan itu berlaku dan cara percakapan disampaikan.

Bagi Asmah Haji Omar (2000), kesantunan bukan strategi semata-mata sebaliknya kesantunan merupakan ciri budaya yang menghendaki ahli masyarakatnya bersopan santun dan menghormati antara satu sama lain. Pembinaan tingkah laku yang santun dalam kalangan orang Melayu adalah menerusi proses didikan yang panjang dan berterusan. Berdasarkan takrifan-takrifan tersebut dapatlah dibuat kesimpulan santun berbahasa bermaksud kesopanan dan kehalusan bahasa yang digunakan oleh seseorang ketika berkomunikasi. Bahasa yang digunakan mestilah digunakan penuh dengan adab, tertib dan bertatasusila supaya wujud suasana komunikasi yang harmoni tanpa sebarang pergeseran atau konflik.

Oleh itu, berdasarkan perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa kesantunan dalam pangilan berbahasa mementingkan budaya dan masyarakat akan menunjukkan strategi kesantunan sesebuah masyarakat dengan jelas yang berkaitan dengan strategi budaya dan nilai masing-masing. Pemahaman dalam strategi kesantunan dalam kalangan masyarakat yang berbeza akan mendorong dan mengharmonikan masyarakat sejagat yang bertanggung jawab. Dengan yang demikian, kajian ini akan penggunaan ungkapan *insya-Allah* dalam penulisan media sosial iaitu dalam laman Facebook.

## DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, perbincangan mengenai penggunaan ungkapan *insya-Allah* dalam laman Facebook ini dibahagikan kepada dua aspek iaitu penggunaan *insya-Allah* dalam bentuk leksikal iaitu ejaan dan faktor-faktor penggunaan *insya-Allah* dalam aspek penulisan laman Facebook.

### Penggunaan Bentuk Leksikal *Insya-Allah*

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah menetapkan dan menyeragamkan ejaan sebenar ungkapan *insya-Allah* ialah “insya-Allah” ekoran wujud kekeliruan ejaan dalam kalangan masyarakat (Kamus Dewan, 2005). Ungkapan ini telah dimasukkan ke dalam entri Kamus Dewan edisi kedua, iaitu sejak tahun 1984. Tanda sempang dalam ejaan insya-Allah digunakan untuk merangkaikan huruf kecil dengan huruf besar pada perkataan yang sama (Nik Safiah Karim, 2007). Walau bagaimanapun, sehingga ke hari ini terdapat pelbagai versi ejaan untuk "insya-Allah" terutama dalam laman Facebook.

Berdasarkan dapatan kajian, berikut menunjukkan kepelbagaian bentuk leksikal dan cara mengeja berdasarkan pencarian melalui laman Facebook, antaranya:

#### i. insyaallah

Ejaan tanpa tanda sempang dan tidak menggunakan huruf besar bagi perkataan Allah.



Mengakhiri 2019 dgn tempat ke-2. Insyaallah tahun depan cuba lagi

#### ii. insyaAllah

Ejaan tanpa tanda sempang dan dirapatkan.



InsyaAllah, kita mampu berdikari atas usaha sendiri 😊😊

 Popo Cikebum  
5 September 2015 · Petaling Jaya · 

Arghhhh, sekejapnya tiga bulan. Pejam celik pejam celik, esok kita wajib kembali ke Kuantan. Maklumlah, kita kerja jauh. Huhuhu. Berjauhan semula dengan keluarga dan rakan-rakan. Ramai yang ajak dating dan lepak-lepak terutama bekas makwe, skandal lama, pelajar-pelajar, kawan lama sebab lama tak berjumpa, tetapi masa dan keadaan banyak yang tidak mengizinkan. Icutkan hati semua ingin ditunaikan, tapi kita tidak berdaya. I am so so sorry! InsyaAllah ada rezeki nanti jumpa yaa!

### iii. insha'allah

Ejaan tanpa penggunaan tanda sampang, terdapat penggunaan tanda hentian [ ‘ ] dan tidak menggunakan huruf besar pagi perkataan Allah. Ejaan menggunakan “insha” dan ejaan yang sebenar ialah “insya”.

 Yasmin Mogahed  
20 August 2018 · 

Dear MALAYSIA, I can't wait to speak in Kuala Lumpur in a few more days, Insha'Allah! Get your tickets: [almaghrib.my/yasmin](http://almaghrib.my/yasmin)

### iv. inshaAllah

Ejaan tanpa penggunaan tanda sempang. Ejaan menggunakan “insha” dan ejaan yang sebenar ialah “insya”.

 Ida Rohaidah  
21 April 2019 · 

Tahniah Mohd Rezza Rezuan Rajak..semoga hubungan ini kekal hingga ke syurga Jannah. InshaAllah

 **Julieeanazura Mashut** · 4 February 2017 · 

Selamat tinggal Madinah...selamat tinggal  
Rasulullah...inshaAllah aku akan datang lagi untuk  
menziarahiMu...  
Mekah Al mukarramah...aku datang...

 **Mazlina Binti Ahmad is in Masjid Nabawi  
Madinah Al Munawaroh.** · 6 December · 

Malam-malam akhir ...

InshaAllah, kita akan bersua lagi! 😊

#### v. insha Allah

Ejaan tidak dirapatkan dan tidak menggunakan tanda sempang. Menggunakan “insha” dan ejaan yang sebenar ialah “insya”.

 **Amirul Akmal is with Ameer Ishak and  
Hafidz Arif.** · 31 July 2016 · Kuala Lumpur · 

Insha Allah.. semoga team kami memperoleh kejayaan pada game minggu depan. Are you ready for Tone Race? Sign up Tone Excel now!

 **Ros Melati is with Farehan Hjkhalid and  
Izz Che Izham.** · 18 September · 

Alhamdulillah dah selesai...moga amanah yg diberi dapat dilaksanakan sebaiknya. Insha Allah..Aamiin.

 **Siti Radhiah Shamsudin** · 30 September 2017 · Klang · 

Meraikan guru pelatih KUIS; Nasuha dan Idayu. Semoga Allah berikan kemudahan mereka berdua utk menjadi pendidik yg komited dan dedikasi selepas ini. Insha Allah.

 Ahmad Zhafir  
17 August 2012 · 

Dengan penyempurnaan daripada Cikgu Popo Cikebum,,, sempurnalah sudah bilangan rakan pensyarah SBIku ni... sudah lama kunantikannya... =) abadan abada... insha Allah... selamat hari raya maaf zahir & batin...

#### vi. in sha Allah

Ejaan dipisahkan menjadi “in”, “sha” dan “allah”. Tidak menggunakan tanda sempang.

 Lukman Hakim Suhaimi is with Hanif Hadi and Aniq Aziz at Kuala Lumpur International Airport.  
2 September 2015 · Sepang · 

[View all photos in Lukman Hakim's post](#)

[View Post](#)

Seorang lagi kawan yang berangkat ke Jordan.... Selamat berjuang sahabat... Tunggu aku nanti di sana.... Aku akan menyusul.... In sha Allah... #friends #sbi #SBIfamily #cintasampaisyurga #ukhwahsado #

#### vii. insya-Allah

Penggunaan ejaan yang betul, menepati ketetapan yang telah dibuat oleh DBP.

 Mohd Syuhaidi Md Isa  
9 February 2019 · 

Bermula langkah ke tempat baharu.. insya-Allah, semoga dipermudah segala urusan..

Berdasarkan variasi ejaan di atas, dapatlah dinyatakan bahawa terdapat variasi ejaan ungkapan *insya-Allah* dalam kalangan pengguna-pengguna dalam laman Facebook terutamanya masyarakat Melayu. Kepelbagaiannya ini berkemungkinan disebabkan mereka tidak tahu ejaan sebenar yang telah ditetapkan oleh DBP. Selain itu, mereka juga tidak menganggap ejaan merupakan sesuatu yang penting. Oleh yang demikian, mereka terbiasa dengan ejaan yang tidak tepat dan seterusnya menulis perkongsian dalam

laman Facebook. Sehubungan dengan itu, masyarakat seharusnya sedar dengan kesalahan ejaan ungkapan *insya-Allah* supaya generasi akan datang tidak akan mengalami kekeliruan.

## **FAKTOR-FAKTOR PENGGUNAAN UNGKAPAN *INSYA-ALLAH* DALAM LAMAN FACEBOOK**

Hasil kajian ini, mendapati terdapat dua faktor penggunaan ungkapan *insya-Allah* dalam laman Facebook. Dalam bahasa Melayu, walaupun terdapat pinjaman perkataan yang diambil daripada bahasa Arab, namun terdapat kepelbagaiannya makna. Contohnya seperti perkataan “fikir” boleh membawa kepada maksud membuat pertimbangan, memberi pendapat, membawa maksud perasaan dan juga mengenangkan atau mengkhayalkan sesuatu perkara (Asmah Haji Omar, 1993: 19). Oleh yang demikian, berdasarkan pemerhatian, didapati pengguna Facebook yang terdiri daripada masyarakat Melayu cenderung menggunakan ungkapan *insya-Allah* disebabkan beberapa faktor iaitu untuk meluahkan perasaan (ekspresi) dan menyatakan harapan dalam komunikasi.

### **Meluahkan Perasaan**

Masyarakat Melayu meluahkan perasaan dengan pelbagai cara. Sama ada secara lisan ataupun tulisan, masyarakat Melayu juga turut menggunakan teknologi untuk berkomunikasi. Oleh yang demikian, berdasarkan pemerhatian, pengguna Facebook dalam kalangan Melayu menggunakan ungkapan *insya-Allah* untuk meluahkan perasaan. Pengguna akan menyatakan perasaan yang terpendam dalam perkongsian Facebook dan akan menggunakan ungkapan *insya-Allah* sama ada pada permulaan ataupun di hujung ayat. Contohnya adalah seperti berikut.

“Mengakhiri 2019 dgn tempat ke-2. *InsyaAllah* tahun depan cuba lagi.”

Pengguna: Mawaddi Qahar

Berpandukan contoh di atas, pengguna telah meluahkan perasaan bahawa beliau telah mendapat tempat kedua dalam pertandingan badminton dan menganggap kemenangan itu sebagai satu pengakhiran yang baik pada tahun 2019. Kemudian beliau menggunakan ungkapan *insya-Allah* sebagai menyatakan jika diizinkan beliau akan mencuba lagi untuk memasuki pertandingan badminton tersebut pada tahun hadapan.

### **Menyatakan Harapan**

Seterusnya, selain daripada ungkapan *insya-Allah* digunakan untuk meluahkan perasaan, ungkapan ini juga lebih jelas membuktikan bahawa pengguna Facebook iaitu dalam kalangan masyarakat Melayu menggunakan ungkapan ini untuk menyatakan harapan selepas meluahkan perasaan. Harapan yang dinyatakan bersifat peribadi dan ada juga yang menyatakan harapan sebagai tanda penyerahan diri (tawakal) kepada Allah S.W.T. Contoh penggunaan ungkapan *insya-Allah* yang menyatakan harapan adalah seperti berikut.

*“Meraikan guru pelatih KUIS; Nasuha dan Idaya. Semoga Allah berikan kemudahan kepada mereka berdua utk menjadi pendidik yg komited dan dedikasi selepas ini. Insha Allah.”*

Pengguna: Siti Radhiah Shamsudin

Berdasarkan contoh di atas, pengguna telah meluahkan perasaan bahawa beliau telah meraikan guru pelatih dari KUIS yang telah tamat tempoh latihan mengajar. Beliau juga berharap pada masa hadapan guru-guru pelatih tersebut akan menjadi seorang pendidik yang komited dan dedikasi. Kemudian beliau menggungkapkan insya-Allah. Hal ini menjelaskan lagi bahawa masyarakat Melayu menggunakan ungkapan insya-Allah untuk menyatakan sesuatu harapan. Contoh lain yang menunjukkan ciri-ciri yang sama adalah seperti berikut.

*“Tahniah Mohd Rezza Rezuan Rajak... semoga hubungan ini kekal hingga ke syurga Jannah. Inshaallah.”*

Pengguna: Ida Rohaidah

Berdasarkan contoh di atas, pengguna telah mengucapkan tahniah kepada pengguna Facebook lain atas perkahwinannya. Beliau juga berharap agar hubungan yang dibina berkekalan. Melalui contoh di atas, jelaslah bahawa masyarakat Melayu menggunakan ungkapan *insya-Allah* untuk menyatakan harapan.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dapatlah disimpulkan bahawa penggunaan ungkapan *insya-Allah* amat produktif dalam laman Facebook. Masyarakat Melayu boleh dianggap sebagai pengguna aktif di dalam laman Facebook. Penggunaan pelbagai ungkapan telah digunakan oleh pengguna Facebook termasuklah ungkapan *insya-Allah*. Setelah diteliti, penggunaan ejaan *insya-Allah* dalam laman Facebook amatlah membimbangkan kerana wujud pelbagai variasi ejaan walaupun ejaan *standard* telah lama diperkenalkan oleh DBP. Oleh yang demikian, pelbagai pihak perlu mengambil tindakan untuk menyebar luas makluman tentang ejaan yang betul bagi ungkapan *insya-Allah* agar kekeliruan dalam kalangan masyarakat dapat dielakkan. Selain itu, penggunaan ungkapan *insya-Allah* juga turut dapat dikenal pasti melalui faktor-faktor penggunaan ungkapan ini. Setelah diteliti, pengguna Facebook menggunakan ungkapan *insya-Allah* untuk meluahkan perasaan dan menyatakan harapan. Berdasarkan contoh-contoh yang telah dihuraikan, dapatlah dikatakan bahawa penggunaan ungkapan *insya-Allah* dalam masyarakat Melayu merupakan salah satu gaya bahasa orang Melayu dalam berkomunikasi. Hal ini secara tidak langsung menggambarkan identiti orang Melayu sebagai penganut agama Islam. Sehubungan dengan itu, kajian ini cukup ringkas untuk membincangkan tentang penggunaan ungkapan *insya-Allah* dalam kalangan masyarakat Melayu. Justeru, kajian yang lebih mendalam perlu dilakukan pada masa akan datang.

## PENGHARGAAN

Penulis ingin mengucapkan ucapan terima kasih kepada barisan editor dan Penerbit UTM atas kesudian menerima artikel ini untuk diterbitkan. Penulis juga turut ingin mengucapkan terima kasih kepada saudari Syafieqah Ifwat dan Dr. Mohd Puzhi Usop yang telah memberikan cadangan penambahbaikan semasa menulis artikel ini. Diharap pengetahuan para pembaca dapat bertambah apabila membaca artikel ini. Sesungguhnya penulisan ini masih mentah dan banyak lagi penambahbaikan yang boleh dilakukan pada masa akan datang.

## RUJUKAN

- Asmah Haji Omar (1993). *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Asmah Haji Omar (2000). *Kesantunan Bahasa dalam Pengurusan Pentadbiran dan Media*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur
- Burhan Nurgiyantoro (2014). *Penggunaan Ungkapan Jawa dalam Kumpulan Puisi Tirta Kamandanu Karya Linus Suryadi*. Jurnal Antarabangsa Penelitian Bahasa, Sastra dan Pengajarannya. Universitas Negeri Yogyakarta. Jilid 18.
- Erwan Saputro (2017). *Maksud Pragmatik Insya Allah di Kalangan Masyarakat Muslim Berlatar Belakang Budaya Jawa di Surakarta*. Disertasi bagi memenuhi sarjana. Universitas Muhammadiyah, Surakarta, Indonesia
- Fariza Md. Sham, Rohana Tan, Mohd Najib Adun, Azmah Ishak, Hamidah Erman, Rohazaini Hasan, Siti Noraida Sood dan Harun Bintang (2018). Penggunaan Bahasa Melayu dalam Pengurusan dan Pentadbiran di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). *Jurnal Pengajian Bahasa*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Jilid 18.
- Herdi Pratama (2017). Pragmatic Functions of Insya Allah Indonesian Speechs. *Jurnal Isu-Isu Pengajian Bahasa*. Universiti Malaysia Sarawak, Sarawak. Jilid 6, 65-77.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2005). Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur
- Nik Safiah Karim. (2007). *Liku-Liku Bahasa*. K Publishing Sdn. Bhd. Shah Alam, Selangor.
- Noriati Abdul Rashid. (2005). Nilai Kesantunan dalam Konteks Sosiobudaya Masyarakat Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Jilid 15, 232-253.
- Salinah Jaafar, Huraizah Abdul Sani dah Rohaidah Haron (2008). Perubahan Fungsi dan Makna Peribahasa dalam Laman Facebook. *Jurnal Komunikasi*. Jilid 34. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Salinah Jaafar (2014). Anjakan Paradigma Fungsi Leksikal Bahasa Melayu Akibat Daripada Pengaruh Laman Sosial. *Jurnal Bahasa*. Jilid 14. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Tay Meng Guat (2010). Analisis Linguistik Terhadap Penggunaan Bahasa SMS dalam Kalangan Guru Pelatih. *Jurnal Penyelidikan Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang, Negeri Sembilan*. Jilid 10.
- Refmiyanti, Agustina dan Erizal Gani (2012). Ungkapan Makian Bahasa Minangkabau Di Kenagarian Taluk Kecamatan Lintau Buo Kabupaten Tanah Datar. *Jurnal Studi Bahasa*. Universitas Negeri Padang, Indonesia. Jilid 7.